

02 APRIL 2018

Pasangan pelajar universiti didakwa

Graduan UPM dijel 13 tahun, kekasih pelajar UniSZA dilepas tanpa dibebaskan

Pasangan pelajar universiti didakwa

Oleh KAMARIAH KHALIDI

KUALA TERENGGANU — Seorang penganggur berkelulusan Sarjana Muda Sains Material Universiti Putra Malaysia (UPM) dijatuhi hukuman penjara 13 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas mengaku bersalah memiliki hampir setengah kilogram dadah jenis ganja dua tahun lalu.

Ahmad Usman Nor Azmi, 28, membuat pengakuan itu selepas pihak pendakwaan menawarkan pertuduhan pindaan mengikut Seksyen 39A (2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebelum ini, tertuduh berdepan hukuman gantung sampai mati atas tuduhan mengedar dadah mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Kes tersebut dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Rohaiza Abd. Rahman di hadapan



AHMAD USMAN (kiri) dan teman wanitanya, Nor Sofea (kanan) dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu semalam.

Hakim Datuk Zainal Azam Abd. Aziz.

Dalam kes sama, Zainal Azam melepas tanpa membebaskan kekasih Ahmad Usman iaitu Nor Sofea Asyiqin Mahamood,

25, yang merupakan pelajar tahun empat jurusan perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan pertuduhan sama.

Beliau memutuskan demikian

selepas representasi yang dikemukakan peguam bela kedua-dua tertuduh iaitu Mohd. Hayyattuddin Muhamad dibenarkan Pejabat Peguam Negara baru-baru ini.

Zainal Azam yang memerintahkan Ahmad Usman menjalani hukuman penjara dari tarikh ditangkap iaitu 17 Disember 2016 turut menasihati tertuduh agar menggunakan tempoh 13 tahun di dalam penjara untuk memperbaiki diri dan menginsaf perbuatannya itu.

"Sebagai orang yang berpelajaran tinggi, kamu boleh pilih untuk melakukan perkara ini (memiliki dadah) atau tidak kerana pilihan ada di tangan kita," katanya ketika membacakan penghakimannya di sini semalam.

Berdasarkan pertuduhan, Ahmad Usman didakwa memiliki dadah jenis kanabis seberat 479.82 gram di dalam bi-

lik sebuah rumah di Taman Sri Kolam, Kampung Kolam di sini pada pukul 4 petang, 17 Disember 2016.

Mengikut fakta kes, rumah sewa Nor Sofea diserbu sepasukan polis yang menerima aduan wanita itu yang mendakwa dia telah dikasari oleh teman lelakinya, Ahmad Usman.

Pemeriksaan polis di dalam sebuah bilik di rumah berkenaan kemudiannya bukan sahaja menjumpai Nor Sofea dalam keadaan mata kirinya lebam dan Ahmad Usman di dalam premis itu malah sebuah kotak tisu yang mengandungi ketulan mampat dadah jenis ganja.

Ahmad Usman didakwa atas pertuduhan pindaan mengikut Seksyen 39A (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman penjara antara lima tahun hingga seumur hidup dan sekurang-kurangnya 10 sebatan jika sabit kesalahan.